

Konsep Kekurangan Relatif dalam Ekonomi Islam

*Basri Abd. Ghani
Sayuti Abd. Ghani*

Masalah kekurangan menjadi penelitian penting dalam pelaksanaan dasar-dasar ekonomi konvensional untuk mencapai kesejahteraan ekonomi. Tindakan manusia sentiasa dianggap bijak dan ideal dalam penggunaan sumber-sumber yang terbatas tanpa memikir hakikat manusia yang lemah, bernaftu, mementingkan diri sendiri, keluh kesah dan gelisah yang sebenarnya berhajat kepada Allah dan peraturan Islam. Justeru itu kekurangan relatif dapat diharmoniskan antara kehendak dan sumber-sumber yang ada di alam ini dalam pembahagian kekayaan alam serta membantu pertumbuhan ekonomi yang sihat.

Pendahuluan

Persoalan ekonomi adalah merupakan komponen penting dalam sistem hidup Islam. Melaksanakan peraturan dan hukum-hakam ekonomi Islam adalah sama tarafnya dengan amalan-amalan lain yang terdapat dalam Islam. Bahkan dikira sebagai ibadat, kerana ia diberi pahala jika dilakukan mengikut rukun dan syarat serta diniat dengan ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T. Lantaran itu ekonomi Islam pada hakikatnya merujuk kepada nature semula jadi manusia dan sumber-sumber yang asalnya daripada ciptaan Allah walaupun ia merupakan manusia ekonomi yang mengolahkannya namun gelagat mereka juga mesti terikat dengan ketentuan Ilahi. Misalnya dalam persoalan masalah kekurangan relatif yang menjadi persoalan pokok dalam perbahasan ekonomi konvensional.

Definisi dan Konsep Kekurangan Relatif

Kekurangan relatif berlaku bilamana seseorang yang inginkan segala keperluan barangan dan perkhidmatan tidak diperolehi diakibatkan sumber-sumber yang tersedia adalah terhad, dalam erti kata lain iaitu melihat bagaimana manusia membuat pilihan di dalam keadaan sumber-sumber terbatas sedangkan kehendak-kehendak tak terhad. Dalam konteks ekonomi juga barangan dan perkhidmatan dilihat dalam konteks barangan ekonomi. Ia berkurangan kerana ianya tidak

tersedia dengan sendirinya tanpa usaha kita atau orang lain bagi penyediaan untuk penggunaan. Konsep kekurangan relatif sebenarnya merujuk kepada suasana pertentangan antara kehendak tak terbatas dengan sumber-sumber terhad. Ianya tidak boleh dianggap implikasi terdapat kekurangan fizikal dalam sumber-sumber kerana sumber-sumber terhad bukannya sifat kepada barangan itu tapi hanya gambaran kepada keadaan pertentangan yang wujud antara kendak-kehendak manusia tak terbatas berbanding sumber-sumber yang terhad. Misalnya kuantiti udara di alam ini terbatas tetapi ia tidak berkurang. Ini bermakna ia mencukupi untuk memenuhi keperluan dan tanpa perlu apa-apa kos. Kekurangan juga melibatkan kos melepas iaitu apa sahaja yang terpaksa dilepaskan kerana inginkan kenikmatan barangan lain. Di samping kekurangan relatif merujuk kepada kelemahan sifat diri manusia itu sendiri walaupun sumber-sumber melimpah ruah misalnya seorang yang kaya ia tidak boleh makan semahmahunya kalau dipaksa ia akan muntah. Jika dilihat dari perspektif Islam konsep kekurangan hanya tanggapan manusia sahaja hakikat sumber-sumber yang Allah bekalkan sudah secukupnya berdasarkan maksud firmannya:

“Kami jadikan sesuatu dan menetapkan kadar secukupnya.”

(Surah *al-Ra'du*: 13: 8)

Puncanya ialah manusia sendiri yang gagal dalam pengagihan yang adil, peruntukan sumber dan juga kestabilan ekonomi dan pertumbuhannya.

Kehendak Manusia Tidak Terbatas dan Sumber-Sumber Terhad

Kehendak manusia dalam ekonomi konvensional hanya tertumpu kepada satu sumber sama ada ia mendatangkan kepuasan atau tidak. Kepuasan dijadikan sebagai suatu ukuran kepada kegiatan ekonomi terutama dalam aktiviti penggunaan. Misalnya bagi individu yang mahu lebih banyak kehendaknya dipenuhi akan bersedia bekerja dengan lebih kuat serta memberi sumbangan yang produktif dalam pertumbuhan ekonomi. Oleh itu apabila sesuatu itu dipenuhi, kehendak lain pula akan tercetus. Kitaran ini berterusan sedemikian rupa, sepertimana kata Dewet dan Varma (Dewet, 1978),

“Selagi manusia itu masih hidup, kehendaknya tidak ada batas dan terus berkembang.”

Lipsey (1980) juga menyatakan:

“Kehendak-kehendak yang boleh dipenuhi melalui penggunaan barangan dan perkhidmatan bolehlah dianggap sebagai tidak pernah puas (insatiable).”

Oleh kerana manusia mempunyai kehendak yang sentiasa tidak puas dalam sesuatu aktiviti penggunaan, tidak hairanlah istilah utiliti begitu mendapat tempat dalam sistem ekonomi konvensional, sehingga asas pemilihan sesuatu barangan bergantung kepada keupayaan menyediakan kepuasan kepada manusia, sebagaimana yang dijelaskan Osman Rani (Osman Rani, 1987):

“Keupayaan sesuatu barangan adalah untuk memuaskan kehendak manusia”.

Islam mengakui bahawa manusia mempunyai kehendak yang tidak terhad sebagaimana firman Allah S.W.T:

“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut),”

(Surah *al-Maarij*: 70: 19)

Bersifat resah gelisah membawa maksud tidak berpuas hati dengan apa yang ada dan sentiasa mempunyai kehendak yang perlu dicapai. Ini diperkuatkan lagi dengan hadis yang bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud: (Muslim, 1994)

“Andai kata anak Adam mempunyai harta sebanyak dua lembah, maka dia akan mengharap untuk mempunyai harta sebanyak tiga lembah, demikianlah seterusnya. Tidak akan ada yang dapat memenuhi harapan anak Adam kecuali tanah dan Allah akan menerima taubat seseorang yang bertaubat.”

Walaupun Islam mengakui kehendak manusia itu tidak terhad tetapi ia bukanlah untuk kepuasan kebendaan semata-mata. Ianya mestilah berasaskan keperluan dan berkepentingan awam (masalah). Ini memberi kepuasan pengguna kepada individu dan masyarakat. Secara keseluruhan bagi pengguna muslim pula berhak memperolehi kepuasan di dunia dan di akhirat.

Ekonomi konvensional juga mengaitkan sumber ekonomi yang terhad sebagai punca wujud masalah ekonomi bukannya faktor lain, sedangkan Allah S.W.T mengingatkan dengan firmanNya:

“Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya”

(Surah *al-Rum*: 30: 41)

Maksud ayat di atas, jelas bahawa ekonomi Islam menolak punca masalah ekonomi dikaitkan dengan terhadnya sumber-sumber tetapi ketidakmampuan manusialah sebagai punca, kerana gagal mengeksploitasi sumber-sumber yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan banyaknya.

Menentukan Jumlah Penawaran Permintaan

Kekurangan relatif juga berpunca daripada kegagalan dalam penawaran sumber-sumber seadilnya kerana dasar kefahaman sesuatu sistem ekonomi . Misalnya Sistem kapitalis menekan keuntungan maksima, persaingan bebas dan pemilikan mutlak (al- Lababidi, 1986).

Oleh itu memenuhi keinginan ekonomi manusia kadang-kadang melebihi dari keperluan sebenar yang diperlukan. Keadaan ini seterusnya menyebabkan sumber ekonomi yang ada diguna dengan banyaknya bagi mengeluarkan barangan termasuk barangan yang tidak begitu penting seperti barangan tarafiah. Ini merupakan pembaziran yang ditegah oleh Islam (Zakaria, 1989), sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“...Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau, sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan”

(Surah *al-Isra'*, 17: 26 - 27)

Justeru itu individu Muslim sewajarnya menentukan jumlah permintaan yang selaras dengan kehendak Islam. Dr. Mun'im berpendapat (al-Jamal, 1992), permintaan dan keperluan setiap orang terhadap sesuatu barangan dapat dikenal pasti dengan mengetahui jumlah barangan yang hendak dibeli dengan harga yang mampu dibayarnya, contohnya seseorang akan membeli 3 kilo pisang jika harga RM5 sekilo, tetapi dia akan membeli 2 kilo jika harga RM7 dan hanya sekilo sahaja jika harga RM10. Dari keterangan ini kadar permintaan tidak boleh ditentukan jika tidak mengetahui harga. Permintaan akan berubah apabila harga berubah. Iaitu permintaan akan meningkat apabila harga rendah, semakin kurang permintaan apabila harga tinggi.

Pengguna Muslim berkeupayaan mencorakkan pasaran dengan menyediakan keperluan barangan dan perkhidmatan yang benar-benar diperlukan. Lebih-lebih lagi pengguna Muslim memiliki kuasa beli secukupnya untuk menampung keperluan sendiri disebabkan kefahaman syariah yang menganjurkan kesederhanaan dalam perbelanjaan (al-Qardawi, 1998). Pengaruh Islam kepada pengguna Muslim memberi kesan positif terhadap pengguna untuk merancang bagi menentukan jumlah permintaan yang berbentuk keutamaan, keperluan ataupun tambahan.

Dalam konteks ekonomi Islam juga, pengguna Muslim dikehendaki membuat pertimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan, supaya tidak terdedah kepada budaya berhutang. Walau pun ekonomi konvensional mengasaskan permintaan berdasarkan permintaan berkesan iaitu status ekonomi dan wang sebagai sokongan bagi sesuatu permintaan. Justeru golongan berada lebih berkemampuan untuk membuat permintaan. Keadaan ini berbeza dengan ekonomi Islam yang mengutamakan keperluan berkesan bukannya permintaan berkesan.

Ini disokong lagi oleh langkah kerajaan Islam dalam menentukan objektif perancangan ekonomi dengan penuh sedar seperti berikut: (Siddiqi, 1978). Memastikan individu pengguna menerima sejumlah pendapatan yang mencukupi bagi menampung keperluan hidup yang sederhana.

1. Pengguna barangan ekonomi dan kepuasan yang diperolehi tidak dijadikan matlamat
2. Setiap individu pengguna berbelanja bagi mendapatkan barangan ekonomi yang secukupnya.

Jelaslah bahawa penentuan jumlah permintaan bagi sesuatu barangan dalam ekonomi bergantung kepada keupayaan sebenar individu pengguna dan langkah yang praktikal oleh negara yang mengamalkan dasar syariah yang sebenarnya.

Motif dan Matlamat Perlakuan Pengguna

Sekali lagi kekurangan relatif juga terikat dengan sesuatu sistem ekonomi yang diamalkan misalnya dalam sistem ekonomi kapitalis mendapati bahawa untuk menjamin kehidupan ekonomi yang tersusun dan mantap, tiga unsur berikut yang sepatutnya menjadi motif dan matlamat perlakuan pengguna (Al-Labaidi, 1986). Keuntungan peribadi menjadi matlamat.

1. Keuntungan maksima
2. Persaingan menjadi cara.
3. Kebebasan menjadi syarat.

Keuntungan peribadi dianggap sebagai matlamat kerana menurut sistem itu, manusia tidak akan bekerja kecuali apabila dia mempunyai kepentingan peribadi dalam pekerjaan. Kepentingannya ialah mendapat untung bagi menampung perbelanjaan hidup mereka. Sekiranya masih ada lebih perbelanjaan akan digunakan untuk tabungan bagi dimanfaatkan pada masa tidak mampu bekerja lagi seperti sakit atau untuk membeli peralatan baru bagi mengusahakan aktiviti ekonomi yang baru.

Ekonomi kapitalis menganggap persaingan sebagai jalan untuk mencapai sistem ekonomi yang sehat, kerana mengikut sistem ini, manusia didorong oleh nalurnya dalam kebanyakan tindakan lebih daripada daya fikirnya. Manusia, pada pendapat mereka, selalu menurut runtunan perasaan, dan sentiasa memerlukan persaingan bagi mencapai sesuatu yang lebih baik. Ini menyebabkan seseorang itu bekerja dengan lebih keras, bebas dan aktif.

Begitu juga aspek kebebasan dianggap sebagai syarat untuk kemajuan ekonomi. Tanpanya keuntungan peribadi gagal dicapai kerana tidak ada daya penggerak dan nilai persaingan (Al-Labaidi, 1986).

Penulis-penulis ekonomi Islam seperti Sobri Salamon (Sobri, 1989) (Muhammad Akram, 1983) dan (Irfan, 1996), menyatakan bahawa matlamat serta

motif pelakuan pengguna dalam kegiatan ekonomi adalah untuk mencapai kesejahteraan dan kemenangan di dunia dan akhirat. Matlamat ini merujuk kepada pencapaian konsep al-falah. Matlamat al-falah memberi penekanan kepada matlamat akhir dalam setiap aktiviti ekonomi untuk mencapai keredaan Allah S.W.T dan al-falah di sisinya. Seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi dalam karyanya ialah: (Muhammad, t.t)

Allah S.W.T telah mencipta harta semata-mata untuk tujuan manusia memenuhi keperluan supaya seseorang itu akan berupaya melaksanakan ibadat kepada Allah S.W.T. Jika manusia tidak mempunyai, misalnya, makanan dan minuman yang sempurna, seseorang itu mungkin tidak berupaya melaksanakan ibadat. Lantaran ini, kita dapat katakana bahawa perolehan harta itu bukanlah matlamat sebenarnya, tetapi sekadar wasilah kepada matlamat.

Apa saja objektif yang hendak dicapai dalam kegiatan ekonomi adalah tertakluk kepada matlamat yang tertinggi iaitu al-falah. Dengan ini, keseluruhan matlamat perusahaan ekonomi mestilah diselaraskan dengan matlamat al-falah di sisi Allah S.W.T. Al-falah adalah merupakan pencapaian insan muslim yang paling tinggi dan ia merujuk kepada kejayaan dan kebahagiaan untuk kedua-dua urusan kebendaan dan kerohanian (Muhammad, t.t).

Pencapaian al-falah ini tertakluk sepenuhnya kepada kesediaan manusia melaksanakan segala suruhan Allah S.W.T dan Rasulnya serta bersedia pula untuk meninggalkan segala larangannya.

Penentuan Pemilihan Barangan dan Perkhidmatan

Ekonomi konvensional menentukan pemilihan barangan berdasarkan kepentingan gelagat individu itu sendiri. Sifat individualistik dalam ekonomi menjadi asas pemilihan kepada barangan yang benar-benar memberi kepuasan yang tinggi, di samping barangan itu sendiri mempunyai nilai harga di pasaran (Norizan Mohammad, 2000). Ini menjadikan sifat kehendak manusia yang tidak terbatas dalam konsep kekurangan relatif disebatkan lagi ke arah mencorakkan perjalanan aktiviti ekonomi itu sendiri. Apa-apa kegawatan yang berlaku dalam ekonomi termasuk yang melibatkan kepentingan umum kononnya dapat dijamin melalui mekanisme pasaran dengan berpandukan penglibatan kerajaan yang minimum melalui konsep self-interest beserta dengan konsep utilitritinism sebagai fitrah manusia sejagat. (Saiful Azhar, 1986)

Berasaskan keadaan ini, pilihan barangan dalam ekonomi konvensional tertumpu kepada pencapaian kepuasan maksimum melalui kuasa membeli yang ada (Saiful Azhar, 1986), Selanjutnya perkhidmatan ditakrifkan sebagai sebarang kegiatan ekonomi yang mengeluarkan output bukan dalam bentuk barangan yang dapat memberi kepuasan kepada pengguna atau boleh membantu mempertingkatkan kecekapan pengeluaran barangan (Silk, 1980).

Dalam ekonomi Islam penilaian barangan dan perkhidmatan adalah berasaskan matlamat individu Islam itu sendiri, iaitu bermatlamatkan al-falah, pengabdian diri atau memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah Allah. (Saiful, 1986).

Aspek Prihatin

Dalam proses membuat pilihan barangan dan perkhidmatan, Islam mementingkan konsep prihatin altruism iaitu mengambil berat terhadap orang lain. Ianya bermaksud, seseorang pengguna sanggup berkorban untuk memenuhi keperluan orang lain di samping memenuhi keperluan diri sendiri. Ia juga merupakan satu bentuk kepuasan bagi pengguna Muslim. Lantaran itu pengguna akan menunaikan kewajipan sedekah, memberi hadiah, zakat kepada golongan yang memerlukannya. Elemen-elemen kebajikan tersebut digunakan untuk meningkatkan keseimbangan ekonomi masyarakat. Ini dapat mengawal jurang pendapatan di antara pengguna tersebut dengan masyarakat. Langkah ini penting bagi Islam membuat pilihan barangan dan perkhidmatan supaya tidak ada golongan yang tidak berkemampuan terbiar kelaparan. (Syed Omar, 1992).

Penutup

Aspek kekurangan relatif dalam ekonomi moden dapat dilihat secara perbandingan yang wajar dalam mencari jawapan kepada masalah ekonomi yang wujud hari ini. Hakikat sebenar amalan aktiviti ekonomi Muslim khususnya dalam bidang kepenggunaan, banyak terpengaruh dengan sistem kapitalis. Justeru itu falsafah, etika, matlamat dan cara-cara hidup berekonomi umat Islam terpesong jauh daripada syariat Islam yang sebenar. Harapan untuk mencapai kesejahteraan sebenar daripada aktiviti kepenggunaan gagal disebabkan pengukuran kesejahteraan dalam sistem kapitalis berasaskan kebendaan dan kepuasan semata-mata. Kesannya individu Muslim berbelanja berlebihan, menanggung hutang yang tinggi di samping mencetuskan inflasi dalam ekonomi masyarakat dan negara. Kesan sampingannya ialah masalah sosio-ekonomi masyarakat meningkat. Pokoknya sistem ekonomi Islam yang memiliki teori dan praktikal yang selari dengan kehendak fitrah manusia masih ditinggalkan. Kefahaman ekonomi Islam diperlukan bagi menilai keterlibatan kita dalam pelbagai bidang ekonomi selama ini dapat diubah.

Rujukan

- al-Jamal, M. A. M. (1992). *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, Jilid 1, Salahuddin Ayob (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s. 3.
- al-Labaidi (1986). *Islamic Economics: A Comparative Study*, Lahore: Islamic Publication Ltd. h. 13.
- al-Qardawi, Y. (1998). *Dawr al-Qiyam al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islam* (terj.), Kuala Lumpur : ABIM h. 292.
- Dewet, K. K. (1978). *Modern Economic Theory*, Singapore: Choice Books Ltd. m.s. 48.
- Iman Muslim (1994). *Sahih Muslim bi syarhi al-Imam Muhyi al-Din al Nuri*, jil 7-8, Beirut: Darul al-Ma'rifah. m.s. 140.
- Irfan, Huq, I. (1996). *Economics Doctrines of Islam: A Study in the Doctrines of Islam and Their Implications for Poverty, Employment and Economic Growth.*, Virginia: The International Institute of Islamic Thought. m.s. 87.
- Lipsey R. G. (1980). *An Introduction to Positive Economics*, Fifth edition, London: Weidenfeld and Nicolson. m.s. 53.
- Muhammad Akram, K. (1983). *Issues in Islamic Economics*, Lahore: Islamic Publications Ltd. m.s. 82-122.
- Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (t.t) *Fad{a'il Saadaqat*, Lahore: Kutub Khana Faizi.
- Norizan M. (2000). *Ekonomi Islam*, Shah Alam: Biroteks UiTM Shah Alam. m.s. 4.
- Osman Rani, H. (1987). *Kamus Istilah Ekonomi*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Saiful Azhar (1986). '*Penggunaan*' (*Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam*, Universiti Islam Antarabangsa, Julai-Disember 1986). m.s. 11.
- Siddiqi, M. N. (1978). *Perusahaan Ekonomi dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 101.
- Silk, L. S. (1980). *Ekonomi Kini: Prinsip dan Persoalan*, (terj.) DBP, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sobri (1989). *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem dan Kemungkinan*, Selangor D. E: Al-Rahmaniah. m.s. 26.
- Syed Omar, A. (1992). *Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd. m.s. 31.

Konsep Kekurangan Relatif dalam Ekonomi Islam

Zakaria, M. (1989). *Kursus Ekonomi Islam: Definisi, masalah dan kerasionalan*, PSPP UiTM Shah Alam.

BASRI ABD. GHANI, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA Perlis

SAYUTI ABD. GHANI, Centre for Foundation Studies, K. L. Infrastructure University College, Bangi, Selangor